

17 MAR 1999

Mahathir-Wanita

DAKWAAN WANITA TIDAK BOLEH BEKERJA TIDAK BERASAS DARI SEGI AGAMA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 18 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Mahathir Mohamad berkata dakwaan PAS bahawa wanita tidak boleh bekerja dan hanya boleh duduk di rumah adalah tidak berasas daripada segi agama dan dibuat berdasarkan tafsiran sendiri.

"Jadi yang berkata bahawa wanita tidak boleh bekerja adalah satu pendapat yang tiada asas daripada segi agama. Mereka membuat dakwaan ini berdasarkan tafsiran mereka sahaja," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai mengulas kenyataan Mursyidul Am Pas Datuk Nik Aziz Nik Mat di sebuah akhbar hari ini bahawa kerajaan PAS Kelantan sedang membuat kajian mengenai wanita bekerja kerana beranggapan mereka yang bekerja gagal memberikan kasih sayang sepenuhnya terhadap anak-anak.

Beliau berkata isteri Rasulullah S.A.W merupakan seorang peniaga malah seorang daripada isterinya juga telah mengepalai satu pasukan tentera ketika peperangan.

Umat Islam yang pada keseluruhan berjumlah 1 bilion akan menjadi semakin lemah jika separuh daripadanya iaitu 500 juta wanita diasingkan dan tenaga serta akal mereka tidak dapat digunakan, kata Perdana Menteri.

Umat Islam juga katanya tidak akan berupaya bersaing dengan penduduk dunia lain yang berjumlah enam bilion jika tenaga dan akal 500 juta orang wanita Islam tidak dapat digunakan.

Menurut Dr Mahathir seruan oleh mereka yang boleh melemahkan lagi umat Islam itu dibuat oleh mereka yang tidak menghiraukan ajaran Islam.

Katanya Islam berkehendakkan umatnya supaya berupaya mempertahankan diri mereka sendiri.

Perdana Menteri yang juga ditanya mengenai penyakit yang membawa maut, Japanese Encephalitis (JE) berkata beliau tidak mahu kejadian itu dipolitikkan.

"Kerajaan memandang serius perkara ini tetapi kerajaan juga berharap ia tidak akan dipolitikkan kerana ada pihak yang lebih mengutamakan politik, menjadikan isu itu untuk mendapat sokongan daripada menitikberatkan kemalangan yang menimpa rakyat," katanya.

Sebuah jawatankuasa khas yang akan diketuai oleh Menteri Kesihatan Datuk Chua Jui Meng dan dianggotai juga oleh Menteri Pertanian, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan beberapa orang timbalan menteri telah ditubuhkan bagi menangani masalah itu, katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan akan membelanjakan RM49 juta bagi menyuntik babi dan penduduk yang tinggal berhampiran selain pengasapan kawasan-kawasan yang terbabit.

Beliau berkata kerajaan tidak akan memberi pampasan di atas kerugian yang ditanggung oleh penternak tetapi akan memberi bantuan yang sewajarnya.

-- BERNAMA

MHI LAT